



KENANGAN Dr Ismail (lima kiri) menyampaikan cenderamata kepada Yusak diperhatikan pegawai kanan UMSKAL sempena dengan kunjungan tersebut.

UMS Link buka pejabat di Labuan

NST 6.4.2013 9

LABUAN :Anak syarikat Universiti Malaysia Sabah (UMS), UMS Link Holdings Sdn Bhd akan mengembangkan sayapnya ke Wilayah Persekutuan Labuan dalam waktu terdekat.

Pengurus Kanan Kumpulan UMS Link Yusak Yumboris @ Misek berkata pembukaan pejabat di Labuan akan memudahkan syarikat itu menjalankan operasinya pada masa akan datang.

Katanya, ia juga akan membantu pelanggannya termasuk golongan pendidik yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan peringkat Sarjana menduduki kuliah tanpa perlu berulang-alik ke Kota Kinabalu.

“ Kita akan membuka pejabat di Labuan untuk melancarkan urusan pentadbiran dan operasi UMS Link, ” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 13, Bangunan Menara, baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah, Ketua Unit Perhubung-

gan Korporat UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Pengurus Pendidikan dan Sektor Latihan UMS Link, Rizal Malik.

Hadi sama adalah Pegawai Teknologi Maklumat, Ismet Zulfikar Ahmad Shafee, Penolong Pendaftar Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslianah Opaop dan Pustakawan, Dg Ruhida Rapplee.

Sementara itu, Dr Ismail mengalu-alukan pembukaan pejabat UMS Link di Labuan bagi membantu meringankan beban pelajar yang mengikuti program Pusat Luar UMS (PLUMS).

Katanya, dengan adanya pejabat di UMSKAL, pelajar tersebut yang kebanyakannya bekerja dan menetap di Labuan tidak perlu lagi berulang-alik ke Kota Kinabalu sekaligus menjimatkan kos perbelanjaan, keselamatan dan tenaga mereka.

“UMS Link juga mudah mengadakan pelbagai aktiviti termasuk promosi dan mengedarkan risalah kejabatan dan agensi kerajaan, swasta dan sekolah di wilayah ini, ” katanya. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN jainudin@newsabahtimes.com.my**